

03/07/2003

Pentingnya penggunaan dinar emas dijayakan

PENGGUNAAN dinar emas dalam urusan perdagangan antarabangsa di antara Malaysia dan Iran yang dijangka bermula akhir tahun ini, pastinya dinanti-nantikan. Sejak dicadangkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai mata wang pilihan dalam pembayaran, tiada siapa dapat mengukur keberkesanan dinar emas melainkan ia diuji. Maka, syor Perdana Menteri itu apabila dilaksanakan nanti, akan menjadi `mercu tanda' yang menarik minat bukan saja negara Islam, malah dunia amnya. Jika ia berjaya, penggunaan dinar emas secara beransur-ansur akan diterima sebagai mekanisma lebih saksama tanpa meletakkan nilai yang terlalu tinggi kepada satu mata wang saja sebagaimana amalan ketika ini.

Dominasi dolar Amerika Syarikat (AS) dalam perdagangan antarabangsa sebenarnya sudah banyak menjejaskan ekonomi dunia, apatah lagi ia terdedah kepada manipulasi. Sehingga 1971, sistem kewangan dunia adalah berasaskan model Bretton Woods, iaitu mata wang sesebuah negara dinilai berdasarkan rizab emas yang disimpannya. Namun, disebabkan Amerika sendiri dan banyak negara selepas itu mencetak lebih banyak wang daripada rizab emas yang dimiliki masing-masing, lahirlah sistem kewangan yang mewujudkan wang fiat, iaitu wang yang tidak mempunyai nilai sandaran. Ia adalah wang kertas dan wang bank atau wang perakaunan yang dicetak berdasarkan rizab perbankan serta berasaskan kadar faedah.

Dengan Washington terus berbelanja tanpa berhemat dengan kesedaran Amerika boleh terus mencetak dolar tanpa terikat lagi dengan rizab emas apabila memerlukannya, nilai tinggi yang diberi kepada dolar AS sebenarnya hanya berdasarkan kepercayaan dan keyakinan terhadapnya. Hari ini dolar AS sudah jauh susut kerana tiada apa lagi yang boleh menyokong mata wang itu. Apabila kepercayaan terhadap dolar AS terus terhakis dan akan tiba masanya orang ramai tidak mahu lagi menggunakannya dalam urusan perdagangan, lama-kelamaan mata wang itu boleh menjadi seperti `duit pokok pisang' yang langsung tidak bernilai. Dalam mendepani kemungkinan itu, penggunaan dinar emas wajar dipertimbangkan sebagai pilihan.

Berbanding sekeping kertas yang boleh menjadi tidak bernilai, emas mempunyai nilai intrinsiknya sendiri dan tidak akan turun naik secara keterlaluan. Lantaran itu, penggunaan dinar emas sebagai mata wang pilihan dalam pembayaran dapat mengelakkan mata wang digunakan sebagai komoditi yang diperniagakan sehingga menjejaskan ekonomi sesebuah negara seperti berlaku ketika krisis kewangan pada 1997/1998. Seperti dijelaskan Dr Mahathir, dinar emas boleh digunakan oleh mana-mana negara kerana ia

sama  
dengan perbankan Islam. Dalam pada itu, tidak mungkin negara di dunia  
mudah diyakinkan agar menggunakan dinar emas untuk perdagangan dalam  
masa  
singkat. Kerana itulah, urusan perdagangan Malaysia-Iran menggunakan  
dinar  
emas perlu dijayakan dulu bagi membuka mata ramai.